

24/07/1998

Semua cadangan diterima pakai: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menerima pakai semua cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kecuali jika ada bantahan tertentu.

Malah setakat ini, kata Perdana Menteri, banyak cadangan majlis itu sudah dilaksanakan seperti penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta).

"Kita juga dalam proses meminjam wang dan mengeluarkan bon. Semua perkara ini adalah cadangan MTEN.

"Pada masa yang sama, MTEN juga mengkaji pelbagai faktor lain seperti sektor pertanian yang dasar sekarang ialah untuk mengeluarkan lebih banyak bahan makanan tempatan. Banyak perkara sudah dilaksanakan," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan dialog tertutup dengan syarikat pengeksport Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

MTEN hari ini mengeluarkan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara yang merangkumi pelbagai langkah untuk membawa keluar Malaysia daripada kegawatan ekonomi sekarang.

Perdana Menteri juga berkata, semua ketua eksekutif syarikat yang hadir pada dialog hari ini memberi sokongan penuh kepada langkah kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

"Sambutan bagus. Mereka mengemukakan soalan yang menunjukkan minat untuk mengikut rancangan kerajaan. Sungguh baik, semuanya menyokong," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir menjelaskan, tidak timbul kekeliruan dalam arahan kerajaan supaya merendahkan kadar faedah dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) oleh institusi kewangan.

"Apa yang kita katakan ialah kita patut merendahkan kadar faedah. Sebelum ini ia tinggi bukan kerana kadar pinjaman asasnya (BLR) tinggi tetapi julatnya meningkat sehingga empat peratus walaupun pada pendapat saya, dalam beberapa kes julatnya hanya perlu sekitar 0.5 peratus.

"Bagi pelanggan terbaik, tidak perlu dikenakan BLR langsung. Tetapi julat semakin rendah sekarang. Ini bermakna kadar faedah juga sudah menurun. Apa yang perlu kita pentingkan sekarang ialah kadar faedah yang berkesan," katanya.

Julat adalah perbezaan antara BLR dan kos dana kepada bank. Sebagai contoh, jika BLR ialah 11 peratus tetapi bank mengenakan kadar faedah pinjaman 15 peratus, julatnya ialah empat peratus.

(END)